

PM yakin lawatan pereratkan lagi keakraban

Bandar Seri Begawan: Tan Sri Muhyiddin Yassin yakin keakraban hubungan dua hala Malaysia-Brunei berupaya diperkuatkan atas dasar persefahaman negara berjiran.

Berpuas hati dengan lawatan kerjanya ke Brunei, Perdana Menteri berkata, semua perkara yang dibincang menerusi pertemuan empat mata bersama Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, di Istana Nurul Iman semalam, dipersetujui kedua-dua pihak.

“Saya yakin hubungan baik ini boleh dipertingkatkan ke tahap

lebih tinggi. Perbincangan berlangsung dalam suasana amat baik, agak santai dan ikhlas.

“Semua perkara yang dibincang mendapat persetujuan sebulat suara. Tiada satu pun perkara berbangkit yang tidak kita persetujui,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada media Malaysia selepas mengakhiri lawatan kerja dua hari ke Brunei, semalam.

Muhyiddin mengadakan lawatan ke Brunei sempena Rundingan Tahunan Ke-23 kedua-dua negara.

Perdana Menteri berkata, ke-

"Semua perkara yang dibincang mendapat persetujuan sebulat suara. Tiada satu pun perkara berbangkit yang tidak kita persetujui

*Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri*

adaan mereka yang saling mengenali secara peribadi, turut menjadikan hubungan kedua-dua negara menjadi istimewa.

Katanya, Malaysia menyokong penuh agenda Brunei sebagai Pengerusi ASEAN tahun ini, termasuk dalam bidang pembangunan belia dan kesihatan mental.

“Saya gembira dan berpuas hati dengan sambutan mesra di berikan. Sambutan rasmi semalam adalah simbolik kepada hubungan Malaysia dan Brunei serta keluarga dirajanya,” katanya.

Kedua-dua pemimpin membincangkan pelbagai isu secara men-

dalam, merangkumi aspek ekonomi, kesihatan, pendidikan, pengangkutan, pertanian, pertahanan dan teknologi maklumat.

Perkembangan semasa di rantau ASEAN dan antarabangsa termasuk yang berlaku di Myanmar, turut disentuh.

Lawatan delegasi Malaysia berlangsung dalam suasana pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat, dalam usaha mengekang penularan jangkitan COVID-19.

Perdana Menteri berlepas pulang ke tanah air, petang semalam.